

DUA PULUH SATU

Resolusi Piagam Kota Melaka

RUJ
DS
579
.M35
2008

1942~JEPUN

OPN~1975~2006

1970~P

1969~LAMPERAN

1963~SINGAPU

1965~KONFRA

~ITM

1957~KEMERDEKA

PERBINCANGAN UNTUK

1956~SUHAN MALAYSIA

1956~KUALA LUMPUR

1942~JEPUN

DUA PULUH SATU

Resolusi Piagam Kota Melaka



Mesyuarat Khas Naib Canselor bersama Penguruhan Kanan UiTM
di Hotel BayView Melaka
pada 7 hingga 9 November 2008
telah merumuskan
beberapa resolusi
dan beberapa tindakan
yang perlu diambil
oleh masyarakat umumnya
dan UiTM khasnya dalam usaha
mengekalkan survival Melayu/
Bumiputera.



Hakcipta Terpelihara
Universiti Teknologi MARA, 2008
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan


* Imej mukasurat i: De Manuel de Faeiay Sousa / Fortaleza de Malaca / Gurisan / 18 x 26 cm / 1666-1675 /
Richard Curtis, Kuala Lumpur

Kandungan	Mukadimah	iv
Isu 1	1	
Isu 2	2	
Isu 3	3	
Isu 4	4	
Isu 5	5	
Isu 6	6	
Isu 7	7	
Isu 8	8	
Isu 9	9	
Isu 10	10	
Isu 11	11	
Isu 12	12	
Isu 13	13	
Isu 14	14	
Isu 15	15	
Isu 16	16	
Isu 17	17	
Isu 18	18	
Isu 19	19	
Isu 20	20	
Isu 21	21	
Singkatan	22	
Senarai Peserta	23-24	
Penghargaan	25	

Mukadimah

Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dapat menghasilkan buku kecil "Piagam Kota Melaka" ini. Ia merupakan satu daripada hasil **Mesyuarat Khas Naib Canselor bersama Pengurusan Kanan UiTM Mengenai Isu Survival Melayu/Bumiputera** yang telah diadakan pada 7 hingga 9 November 2008 di Hotel Bayview Melaka. Objektif mesyuarat tersebut ialah menyediakan *platform* kepada saya dan Ahli Pengurusan Kanan UiTM untuk berbincang mengenai tiga perkara iaitu: **i)** Isu survival UiTM dan Melayu/Bumiputera, **ii)** Senario masa hadapan negara dan dunia serta cabaran kelangsungan kewujudan UiTM dan **iii)** memikirkan strategi menghadapi serta tindakan mengatasi isu tersebut. Buku kecil "Piagam Kota Melaka" ini menggariskan 21 isu utama yang mesti ditangani dan setiap satu isu itu pula digariskan satu ketetapan atau resolusi yang diikuti dengan Tindakan Umum serta Tindakan UiTM. Di harap ia akan dijadikan rujukan oleh semua pegawai-pegawai kanan UiTM dalam memahami dan merealisasikan aspirasi UiTM demi menjamin kelangsungan kewujudan universiti ini. Di samping itu ia juga boleh dijadikan panduan oleh mana-mana pihak orang Melayu/Bumiputera di luar UiTM untuk sama-sama bertindak dalam menjamin kelangsungan kewujudan bangsa di negara ini dengan merujuk kepada seksyen Tindakan Umum.

Bagi warga UiTM, buku kecil ini harus dilihat sebagai satu kesinambungan kepada satu gagasan Strategi 21 yang pernah dikeluarkan pada tahun 2001 semasa UiTM menghadapi ambang abad ke 21 lapan tahun yang lalu. Sehubungan dengan itu, sekumpulan 300 orang agen perubahan telah dikenalpasti dari setiap jabatan, fakulti dan kampus negeri bagi mengerakkan usaha ini dengan cara yang lebih sistematik bagi menjamin keberkesanannya. Kumpulan agen perubahan ini merupakan kumpulan nukleus yang bertanggungjawab mendokong resolusi ini dengan menumpu kepada warga di jabatan masing-masing. Satu pendekatan menyeluruh yang merangkumi ~~menyeluruh~~ kandungan, latihan dan gerakan akan diusahakan berpadu kepada isu, resolusi dan tindakan yang telah digariskan bersama oleh kesemua pegawai kanan UiTM yang berjumlah hampir 80 orang.



Johann Wolfgang Hedyt
Plan order grund der stadt vest Malacca
Gurisan / 24 x 28 sm / 1744
Richard Curtis, Kuala Lumpur

Isu Pertama

Orang Melayu/Bumiputera seperti hilang arah apabila banyak pihak menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap keistimewaan orang Melayu/Bumiputera walaupun ianya telah termaktub didalam Perlembagaan Persekutuan sejak lebih 50 tahun yang lalu.

Resolusi

Orang Melayu/Bumiputera mesti mengekalkan kedaulatan Raja-Raja Melayu sebagai penaung dalam memastikan hak keistimewaan orang-orang Melayu kekal terjamin.

Tindakan Umum

Orang Melayu/Bumiputera mesti terus menghormati kewujudan Raja-Raja Melayu. Majlis Raja-Raja Melayu mesti dirujuk apabila ada pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan terhadap isu keistimewaan Melayu/Bumiputera. Institusi Raja-Raja Melayu perlu dikekalkan sebagai lambang keagongan Melayu di tanah air ini.

Tindakan UiTM (D/PK/HEA/HEP)

Penjelasan mesti diberikan kepada pelajar baru dan lama mengenai fungsi dan peranan Insitusi Raja-Raja Melayu dalam mengekalkan hak-hak Melayu/Bumiputera seperti di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Isu Kedua

Masyarakat Melayu/Bumiputera kurang memahami dan menghayati Perlembagaan Persekutuan, konsep Ketuanan Melayu serta kontrak sosial.

Resolusi

Rakyat Malaysia mesti memahami, menghayati dan menghormati keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan ia mesti dijelaskan secara berterusan melalui penyebaran maklumat tepat lagi bertanggungjawab.

Tindakan Umum

Perlembagaan Persekutuan, Ketuanan Melayu dan kontrak sosial mesti dijelaskan secara berterusan melalui penyebaran maklumat di semua peringkat. Ia mesti diterapkan ke dalam modul pengajaran pembelajaran di peringkat sekolah dan universiti.

Tindakan UiTM (G-Mim/JKK/ILQaM/JPbSM)

Penerbitan pelbagai media seperti filem, drama, dokumentari, cerita pendek, novel dan karya kreatif lain mesti di perkukuh dan digalakkan untuk menggarap konsep-konsep tersebut.

UiTM mesti mewujudkan kumpulan Agen Perubahan yang kompeten dan mampu mengasimilasikan agenda ini ke dalam kurikulum. Penyelidikan berterusan mengenai isu survival Melayu mesti diusahakan dan hasilnya mesti diterbit untuk bacaan umum.

UiTM mesti menyemarakkan aktiviti G-Mim terutama kumpulan “blogger” bagi menghujah balas maklumat kurang tepat yang tersebar melalui media alternatif.

UiTM mesti menerangkan konsep-konsep tersebut di dalam kursus dalaman seperti Induksi/PTK/Minggu Siswa. Mesti dijelaskan bahawa hak untuk orang Melayu/Bumiputera kerana mereka adalah tuan punya tanah air ini ketika itu, manakala kerakyatan yang diberi kepada 1 juta penduduk berbangsa Cina dan India pada tahun 1957 itulah yang patut dilihat sebagai keistimewaan yang mana kini telah menjadi hampir 10 juta orang.

Masyarakat Melayu/Bumiputera tidak berani menghujah balas tomahan pihak luar mengenai isu-isu kelemahan Melayu.

Resolusi

Mesti ada kumpulan pendesak Melayu/Bumiputera yang kompeten serta berani menghujah balas tomahan mana-mana pihak mengenai isu-isu yang mengenai Melayu yang mengelirukan.

Tindakan Umum

Sikap orang Melayu “berhujah” tanpa fakta perlu diatasi melalui pembudayaan membaca, menganalisis dan penaakulan yang sahih.

Tindakan UiTM (D/PK/HEP)

UiTM perlu mengadakan program-program galakan membaca, menganalisis serta memupuk dan melatih pelajar/staf memperoleh fakta-fakta dari pelbagai sumber serta bagaimana membentuk dan membina penaakulan terhadap sesuatu perkara.

Isu Keempat

Hak Melayu/Bumiputera dalam pendidikan mesti dikekalkan bagi menjamin survival Melayu/Bumiputera.

Resolusi

Melayu/Bumiputera (tanpa mengira fahaman politik) mestilah bersatu serta seja-sekata dalam mempertahankan hak-hak di bawah Perlembagaan.

Tindakan Umum

Kepimpinan negara perlu mengutamakan pendidikan yang kondusif di luarbandar, meningkatkan keupayaan pembiayaan pendidikan, memupuk kesedaran kecemerlangan pendidikan dan mengukuhkan peranan NGO Melayu dalam pendidikan. Guru-guru cemerlang perlu diberi galakan untuk ditempatkan di luar bandar. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) mesti membantu dalam memperkasakan pendidikan Melayu/Bumiputera.

Tindakan UiTM (D/PK/HEA/Pendaftar/LPU)

- UiTM mesti mengekalkan 100% pengambilan pelajar Melayu/Bumiputera.
- UiTM perlu memperoleh pengiktirafan yang lebih tinggi dengan menukar nama kepada "Universiti Diraja Teknologi MARA".

Isu Kelima

Melayu/Bumiputera tidak bersatu dalam memperjuangkan hak mereka.

Resolusi

Hak Melayu/Bumiputera dalam pendidikan dan biasiswa mesti dikekalkan bagi menjamin survival bangsa dan keharmonian negara.

Tindakan Umum

Semangat kekitaan perlu dipupuk melalui proses kesedaran. Diskusi/dialog di kalangan pemimpin politik Melayu/Bumiputera perlu dianjurkan tanpa mengira fahaman politik. Raja-Raja Melayu berperanan menyatupadukan orang-orang Melayu dan juga diantara Melayu dan bukan Melayu.

Tindakan UiTM (CITU/HEP/ILQaM/JPbSM)

UiTM dijadikan sebagai wacana perbincangan bagi melahirkan intelektual Melayu/Bumiputera yang berani memperjuangkan hak-hak orang Melayu/Bumiputera. UiTM dijadikan sebagai wacana perbincangan bagi melahirkan intelektual Melayu/Bumiputera yang berani memperjuangkan hak-hak orang Melayu/Bumiputera.

Isu Keenam

Penggunaan Bahasa Melayu perlu dimertabatkan untuk tujuan perpaduan.

Resolusi

Melayu/Bumiputera mesti menubuhkan kumpulan pendesak bagi memastikan penggunaan Bahasa Melayu dimertabat bagi tujuan perpaduan negara.

Tindakan Umum

Penguatkuasaan dasar-dasar perlu dipertingkatkan melalui kumpulan pendesak.

Tindakan UiTM (APB/Semua Persatuan Dalaman UiTM)

UiTM perlu menuhubkan NGO dikalangan pakar-paka Bahasa Melayu, Undang-Undang dan Komunikasi yang akan menjadi kumpulan pendesak.

Isu Ketujuh

Orang Melayu/Bumiputera tidak faham konsep kontrak sosial.

Resolusi

Ketidakfahaman masyarakat terhadap konsep kontrak sosial dan Ketuanan Melayu mesti ditangani melalui peranan media massa dan forum di antara kaum.

Tindakan Umum

Pihak media mesti bertanggungjawab menyebar luas maklumat yang tepat mengenai kontrak sosial. Orang Melayu/Bumiputera mesti berani mengenengahkan sebarang usaha mana-mana pihak yang mencabar kontrak sosial itu sebagai satu isu perundangan. Keupayaan pertahanan Melayu/Bumiputera mesti diperkuatkan bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Tindakan UiTM (JIM/RMI/D/PK/BEND/LPU)

UiTM mesti mewujudkan *Think Tank* bagi membantu orang Melayu dalam isu-isu berkaitan hak orang Melayu/Bumiputera. Satu Kerusi yang berkaitan dengan perlombagaan dan hak orang Melayu/Bumiputera mesti diwujudkan.

Isu Kelapan

Hak keistimewaan Melayu/Bumiputera dalam ekonomi dikekalkan.

Resolusi

Masyarakat Melayu/Bumiputera perlu mempertingkatkan hakmilik dalam sektor ekonomi, harta tanah, komoditi, perhotelan, pembuatan dan lain-lain sektor dengan cara yang strategik.

Tindakan Umum

DEB dijenamakan semula dengan menuntut hak ekuiti berdasarkan komposisi kaum serta menambahbaik pelaksanaannya. Orang Melayu mesti mempergiatkan pemilikan ekuiti, harta tanah, pembuatan, perkhidmatan, komoditi dan lain-lain sektor ekonomi, untuk mengimbangi pencapaian antara kaum. GLC dan MCC berperanan memacu program-program rangsangan ekonomi seperti 'Satu Keluarga Seorang Usahawan', 'Satu Produk Satu Kampung', 'Usahawan Lahirkan Usahawan', 'Perniagaan Sebagai Ibadah' dan 'Pemecahan Rantai Pembekalan'. Orang Melayu/Bumiputera mesti percaya bahawa kuasa membeli ada ditangannya dan perlu berani mengambil tindakan memboikot mana-mana produk atau perkhidmatan untuk menunjukkan bantahan atau sokongan.

Tindakan UiTM (JIM/HEP/D/PK/BEND/LPU)

UiTM mesti menggerakkan UiTM Holdings. Kursus keusahawanan perlu dipertingkatkan. Program Tunas Mekar dimantap dan diperluaskan lagi dengan mengembelngkan lebih ramai tenaga pakar dalaman. UiTM Holdings perlu mengambil bahagian dalam proses tender UiTM.

Isu Kesembilan

Melayu/Bumiputera merupakan 65% daripada 27 juta penduduk Malaysia, namun dari segi sumbangan produktiviti dalam sektor ekonomi, harta tanah, perhotelan, pembuatan dan bidang-bidang profesional masih ketinggalan berbanding kaum-kaum lain.

Resolusi

Masyarakat Melayu/Bumiputera terutama yang beragama Islam mesti mengatasi kebergantungan terhadap bukan Bumiputera dalam urusan penyediaan makanan serta mesti menguasai rangkaian pembuatan dan bekalannya.

Tindakan Umum

Masyarakat Melayu/Bumiputera perlu mencari jalan inovatif untuk menggandakan sumbangan mereka dalam produktiviti ekonomi. Orang Melayu/Bumiputera mesti berpandangan jauh dan berpengetahuan dalam aspek pelaboran kewangan, harta tanah dan pemilikan premis komersil. Agensi seperti PNB, UDA dan MARA mesti terus mempergiat dan menambahbaikkan program-program mereka. Masyarakat Melayu/Bumiputera mesti bertekad menjadikan pendidikan sebagai jalan keluar dari kesempitan hidup. Orang Melayu/Bumiputera yang berkemampuan mesti merebut peluang insentif yang disediakan melalui pakej ransangan ekonomi yang disediakan oleh kerajaan. Orang Melayu/Bumiputera mesti sedia berusaha dengan gigih dan berani menghadapi risiko kegagalan dengan berbekalkan ilmu dan pengetahuan.

Tindakan UiTM (D/PK/HEA/JKE/LPU)

UiTM mesti berusaha mendidik pelajar-pelajar menjadi graduan berkualiti bagi menyumbang kepada modal insan negara. UiTM mesti sentiasa peka kepada perkembangan baru dalam semua bidang supaya program yang ditawar sentiasa kompetitif, bernilai dan berupaya menandingi program yang ditawar di universiti bertaraf dunia. UiTM mesti sentiasa menambahbaik pencapaian akademik, penyelidikan, pengkomersilan, penulisan, pengkaryaan dan penerbitan. UiTM mesti menyedarkan staf dan pelajar mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam konteks survival bangsa.

Isu Kesepuluh

Masyarakat Melayu/Bumiputera ketandusan individu pemikir yang berjatidiri dalam pelbagai bidang.

Resolusi

Super-Malays (pemikir, pemimpin, pelaksana dan peneraju tersohor) yang mempunyai kepakaran pelbagai bidang mesti ada di kalangan orang-orang Melayu/Bumiputera.

Tindakan Umum

Super-Malays (thinkers, doers, leaders, innovators etc) mesti dizahirkan dalam pelbagai bidang menerusi program khas untuk memupuk jatidiri kanak-kanak sejak dari peringkat awal persekolahan.

Tindakan UiTM (D/PK/HEA/HEP)

UiTM perlu mewujudkan satu program khusus yang akan membentuk *Super-Malays* ini. UiTM mesti mengaktifkan Majlis Profesor UiTM yang telah diwujudkan.

Isu Kesebelas

Penglibatan Melayu/Bumiputera dalam sektor pembuatan dan pertanian berteknologi masih sangat rendah dari aspek hasil pengeluaran per kapita, begitu juga dengan penglibatan Melayu/Bumiputera dalam sektor pembekalan dan peruncitan yang masih tidak dapat berperanan dengan baik dari aspek rantaian bekalan bahan dan saluran penyebaran (*distribution channel*). Isu halal haram terutama dalam bekalan makanan tidak diberi perhatian.

Resolusi

Isu halal/haram dalam makanan, perniagaan dan apa sahaja urusan mesti diterajui oleh orang Islam.

Tindakan Umum

Masyarakat Melayu/Bumiputera mesti berani, kreatif dan inovatif untuk melipatgandakan hasil pengeluaran apa sahaja yang mereka usahakan. Peranan PERNAS, FELDA, FELCRA, PORIM, MARDI mesti dikaji semula dan dimantapkan. Orang Melayu/Bumiputera mesti berkerjasama dengan membentuk konsortium atau *franchise* untuk memperkuat ketahanan dan keberdayasaingan. Proses memperolehi pinjaman modal permulaan mestilah diper mudahkan. Orang Melayu/Bumiputera mestilah berdisiplin dan berhemah dalam pengurusan kewangan serta mengamalkan budaya tolong menolong. Masyarakat bukan Melayu/Bumiputera mesti berkerjasama untuk menghidupkan suasana harmoni.

Tindakan UiTM (HEA/HEP/FPP)

UiTM mesti memperkuatkukan program berkaitan seperti *Retail*, Pengurusan Perniagaan, Keusahawanan. Program MEDEC mesti diberikan nafas baru untuk lebih giat menyediakan latihan dan pendedahan kepada lebih ramai Melayu/Bumiputera. UiTM mesti mewujudkan pusat penyelidikan yang mengkaji kedudukan sebenar Melayu/Bumiputera dari aspek penglibatan dalam bidang peruncitan, pembekalan dan saluran penyebaran serta mampu mencadangkan dasar-dasar penambahbaikan kepada kerajaan.

Isu Keduabelas

Modal insan Melayu/Bumiputera tidak menyerlah.

Resolusi

Modal insan Melayu/Bumiputera mesti diperamaikan dan diperhebatkan kualitinya setanding dengan bukan Bumiputera.

Tindakan Umum

Menambahkan agenda Melayu/Bumiputera dalam kursus pengajaran pembelajaran pensyarah di peringkat awal perkhidmatan di universiti. Berkerjasama dengan media pelbagai. Mendokumentkan “who’s who” Melayu/Bumiputera dalam semua bidang.

Tindakan UiTM (D/PK/HEA/Pengambilan/LPU)

UiTM membuka peluang kepada pelajar dari keluarga miskin tegar. UiTM memohon kelonggaran dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memilih calon-calon ini tanpa melalui proses pengambilan oleh pihak Unit Pengambilan Universiti (UPU).

Isu Ketigabelas

Masyarakat Melayu/Bumiputera kurang berpengetahuan mengenai sejarah.

Resolusi

Pengetahuan mengenai sejarah penubuhan Malaysia, kontrak sosial dan ketuanan Melayu mesti dipertingkatkan menerusi program di semua peringkat persekolahan, institusi pengajian tinggi serta program-program masyarakat secara berterusan.

Tindakan Umum

Mewajibkan matapelajaran sejarah dalam kurikulum sekolah. Menyemak semula kurikulum sejarah dengan membentuk satu Majlis Kebangsaan Sejarawan Negara (MKSN) dan Muzium Sejarah Melayu (MSM).

Tindakan UiTM (PKC/D/PK/Pembangunan/FSPU/FSSR)

UiTM memainkan peranan penting dalam Majlis Kebangsaan Sejarawan Negara (MKSN) dan mewujudkan Muzium Sejarah Melayu (MSM) di UiTM.

Minda dan jiwa masyarakat Melayu/Bumiputera dalam dilema dan terperangkap dalam konflik kemelut politik.

Resolusi

Melayu/Bumiputera mesti berusaha untuk keluar dari dilema yang membelenggu pemikiran. Politik masyarakat Melayu/Bumiputera mesti kembali kepada perjuangan asal yang mengutamakan nilai-nilai murni.

Tindakan Umum

Masyarakat Melayu/Bumiputera mesti memperakui kewujudan dilema dan berusaha mengenalpastinya dengan melibatkan semua lapisan masyarakat dalam sesi dialog terbuka. Dilema itu mesti dirungkai dengan merujuk kepada asas agama. Menjajarkan semula dasar-dasar perjuangan politik kepada asas perjuangan asal, mempertingkatkan kualiti pemimpin Melayu/Bumiputera serta merapatkan jurang antara masyarakat dan pemimpin.

Tindakan UiTM (D/PK/HEA/HEP/ILQaM/JKE)

UiTM mesti mewujudkan kumpulan pendesak yang diperlengkap dengan sistem sokongan yang mantap. UiTM mewujudkan kumpulan nukleus di peringkat fakulti, jabatan dan kampus dengan diterajui oleh pegawai bertangungjawab berkenaan. UiTM mesti melipatgandakan aktiviti Institut Kepimpinan Melayu (IKM). UiTM mesti menganjurkan kursus pengurusan konflik dan risiko.

Isu Kelimabelas

Persepsi masyarakat terhadap imej Melayu/Bumiputera buruk.

Resolusi

Imej Melayu/Bumiputera mesti diperbaiki melalui amalan budaya hidup positif.

Tindakan Umum

Mengenalpasti kelemahan imej Melayu/Bumiputera. Membina imej melalui amalan budaya hidup positif. Menggunakan media dan menjalin kerjasama dengan pihak media dalam mencorakkan dan menggambarkan imej Melayu/Bumiputera.

Tindakan UiTM (D/PK/HEA/HEP/ILQaM/ Pendaftar/LPU)

UiTM perlu mengamalkan mekanisme pemilihan kepimpinan yang telus dan cekap berdasarkan merit di semua peringkat. Warga UiTM mesti berusaha memupuk semangat kerjasama dikalangan staf merentas jabatan dan di kalangan pelajar merentas fakulti dan kampus melalui aktiviti yang dijalankan.

Isu Keenambelas

Ketirisan semangat jatidiri Melayu/Bumiputera di kalangan belia.

Resolusi

Ketirisan semangat jatidiri Melayu/Bumiputera di kalangan belia mesti dibenteras.

Tindakan Umum

Masyarakat Melayu/Bumiputera perlu mencari jalan inovatif untuk mempergiat dan menerapkan nilai-nilai jatidiri orang Melayu dalam program-program jaringan komuniti yang dianjurkan oleh kumpulan-kumpulan belia. Masyarakat perlu dididik melalui filem, dokumentari, novel dan media-media lain. Belia perlu dididik untuk mampu mempertimbangkan baik buruk sebarang elemen-elemen dari pengaruh luar serta mampu membuat keputusan yang bertanggungjawab.

Tindakan UiTM (D/PK/HEP/JIM)

UiTM mesti mendedahkan kepada pelajar-pelajar terhadap pentingnya memelihara dan mengamalkan sifat-sifat jati diri Melayu/Bumiputera yang baik. Mewujudkan forum-forum ilmu mengenai kepelbagaiannya budaya dan membimbing pelajar untuk mencapai rumusan bagi memilih budaya positif.



Melayu/Bumiputera kurang menghayati konsep pembelajaran sepanjang hayat yang mana merupakan satu daripada faktor yang akan menjamin survival bangsa.

Resolusi

Melayu/Bumiputera mesti menghayati konsep pembelajaran sepanjang hayat bagi menjamin survival bangsa.

Tindakan Umum

Masyarakat Melayu/Bumiputera perlu bertekad untuk sentiasa memperbaiki diri menerusi peningkatan ilmu. Peluang peluang melanjutkan pengajian untuk Melayu/Bumiputera menerusi kolej komuniti, dan kursus-kursus luar kampus dan program atas talian perlu digalakan.

Tindakan UiTM (InED/D/PK/HEA/HEP)

UiTM mesti memperkuatkan program-program *e-learning* menerusi InED dan mempermudahkan proses pembelajaran.

Melayu/Bumiputera terdedah kepada media dan bahan-bahan bacaan yang tidak membina minda.

Resolusi

Melayu/Bumiputera mestilah dilatih untuk memperoleh maklumat yang sahih dan bahan-bahan bacaan yang membina minda.

Tindakan Umum

Kempen membaca bahan-bahan bacaan yang sihat dan tinggi martabatnya mesti diusahakan. Galakan dan insentif perlu terus dikekalkan. Perpustakaan dan pusat komuniti mesti diperbanyakkan. Program budaya membaca mesti diwujudkan dan kajian keberkesanan perpustakaan desa mesti dijalankan. Galakan mengenai bagaimana mencapai bahan bacaan yang baik melalui internet juga mesti diusahakan oleh NGO-NGO berkaitan.

Tindakan UiTM (D/PK/JKK/FKPM/UPENA)

UiTM mesti berusaha menerbitkan bahan-bahan bacaan ilmiah serta yang tinggi nilai untuk bacaan umum. UiTM mesti menjalankan program-program latihan penulisan dan pengkaryaan yang juga terbuka kepada semua golongan masyarakat.

Isu Kesembilanbelas

Melayu/Bumiputera paling ramai terlibat dalam pelbagai masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, mat rempit, bohsia dan kes-kes diperdayakan oleh rakyat asing.

Resolusi

Masyarakat Melayu/Bumiputera mesti mencari jalan inovatif untuk mengatasi masalah gejala sosial di kalangan remaja seperti penyalahgunaan dadah, mat rempit, bohsia dan kes-kes diperdayakan oleh rakyat asing.

Tindakan Umum

Masyarakat Melayu/Bumiputera perlu mencari jalan inovatif untuk berdepan dengan masalah ini menerusi aktiviti NGO bagi menyediakan khidmat sokongan dan khidmat nasihat. Usaha untuk menggerakkan kempen kesedaran mesti dijalankan secara berterusan. Kepincangan masyarakat mesti diatasi bersama oleh semua golongan.

Tindakan UiTM (CITU/RMI/JIM/D/PK)

UiTM mesti menubuhkan pusat kecemerlangan yang mengkaji secara terperinci mengenai penglibatan orang Melayu/Bumiputera dalam masalah sosial ini dengan bekerjasama dengan agensi-agensi berkenaan seperti PDRM, Pemadam, Kementerian Kesihatan dan NGO yang berkenaan.

Isu Keduapuluh

Memandangkan Islam adalah agama rasmi Malaysia dan 65% penduduk adalah Melayu/Bumiputera manakala lebih daripada 15 juta rakyat Malaysia adalah beragama Islam, maka Perdana Menteri Malaysia mesti daripada kalangan Melayu atau Bumiputera yang beragama Islam.

Resolusi

Melayu/Bumiputera mesti bersatu supaya Perdana Menteri Malaysia kekal daripada kalangan Melayu atau Bumiputera yang beragama Islam.

Tindakan Umum

Masyarakat Melayu dan Bumiputera yang beragama Islam mesti bersatu memperjuangkan hak ini iaitu negara Islam mesti dipimpin oleh orang Islam. Raja-Raja Melayu mesti memainkan peranan dan bertanggungjawab memastikan perkara ini kekal.

Tindakan UiTM (HEP/D/PK)

UiTM mesti berusaha mendidik pelajar-pelajar mengenai hak Melayu/Bumiputera. UiTM mesti mencari jalan menyatupadukan warganya demi mempengaruhi masyarakat Melayu/Bumiputera keseluruhannya.

Walaupun penerimaan masyarakat berbelah bahagi, namun keselamatan dalam negeri di Malaysia masih dalam keadaan terancam terutama dengan pelbagai perkembangan baru global. Oleh itu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) masih relevan dan perlu untuk menangani sebarang kemungkinan yang akan menjadikan keharmonian dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Resolusi

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) mesti dikenalkan untuk menjamin kesejahteraan dan ketenteraman negara.

Tindakan Umum

Semua golongan masyarakat Malaysia mesti percaya kepada kedaulatan undang-undang dan keluhuran pelembagaan. Mesti ada tekad di pihak kerajaan untuk memperbaiki pelaksanaan ISA ini dengan melantik jawatankuasa pelaksanaan yang boleh terdiri daripada hakim, anggota polis dan pegawai tertinggi kerajaan yang telah bersara. Masyarakat perlu dididik mengenai tanggungjawab kerajaan memastikan keselamatan negara sentiasa terjamin dan ISA adalah satu daripada mekanisme yang berkesan sama seperti yang diamalkan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain, Singapura dan Australia.

Tindakan UiTM (FUU/HEP/D/PK)

UiTM mesti berusaha memperjelaskan kepada pelajar-pelajar dan staf bahawa ISA bukan bertujuan politik tetapi ia adalah satu *preventive mechanism* untuk mengekalkan keamanan di dalam negara. Tanpa keamanan, kualiti kehidupan masyarakat secara umumnya akan terjejas. UiTM mesti menayangkan kepada pelajar filem-filem dokumentari terpilih yang boleh membawa kesedaran pentingnya kawalan dan disiplin di kalangan rakyat supaya membenihkan perpaduan serta mengelakkan pergaduhan awam.

Singkatan

APB	Akademi Pengajian Bahasa
BEND	Pejabat Bendahari
PKC	Putus Kecemerlangan
CITU	Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam
D	Dekan
FUU	Fakulti Undang-Undang
FKPM	Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
FSPU	Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
FSSR	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
G-Mim	Kumpulan Mim
HEP	Hal Ehwal Pelajar
HEA	Hal Ehwal Akademik
InED	Institut Pembangunan Pendidikan
ILQaM	Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti
JPbSM	Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
JIM	Jaringan Industri dan Masyarakat
JKK	Jabatan Komunikasi Korporat
JKE	Jawatankuasa Eksekutif
LPU	Lembaga Pengarah Universiti
Pembangunan	Pejabat Pembangunan
Pengambilan	Bahagian Pengambilan Pelajar
Pendaftar	Pejabat Pendaftar
PK	Pengarah Kampus
RMI	Research Management Institute

Peserta

Prof. Dr. Mohamad Kamal Hj. Harun
Prof. Madya Dr. Zaini Abdullah
Dr. Hajah Zahrah Mokhtar
Encik Sanip Wahid
Encik Haron Wee Ah Boo
Prof. Dr. Azni Zain Ahmed
Prof. Madya Dr. Shireen Haron
Prof. Dr. Fauziah Noordin
Prof. Madya Dr. Ahmad Redzuan Abd. Rahman
Y. Bhg. Dato' Prof. Madya Ir. Mohd Salleh Mohd Noh
Prof. Madya Dr. Haidar Dziyauddin
Encik Che Izam Abu Noh
Tuan Hj. Alias Taib
Prof. Madya Dr. Hj. Mat Ikram Yusof
Prof. Madya Dr. Faizah Darus
Prof. Madya Dr. Hj. Muhamad Rahimi Osman
Prof. Madya Dr. Ruhaya Hj. Atan
Prof. Madya Dr. Rosmin Abdul Talib
Prof. Madya Dr. Noraida Hj. Kasim
Prof. Madya Dr. Saifollah Hj. Abullah
Prof. Dr. Hajah Zainab Abu Bakar
Prof. Madya Dr. Wan Mohd Naim Wan Mohd
Prof. Madya Dr. Mohd Khairi Zawi
Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Khalid Yusoff
Prof. Dr. Abdul Rahim Md Noor
Prof. Dr. Mohd Zaki Salleh
Prof. Dr. Mohamed Ibrahim Abu Hassan
Prof. Madya Ir. Dr. Hajah Zainab Mohamed
Prof. Dr. Titik Khawa Abdul Rahman
Prof. Madya Dr. Sharifah Aishah Syed A. Kadir
Prof. Ir. Dr. Abdul Rahman Omar

Peserta

- Prof. Madya Saudah Sulaiman
- Prof. Madya Dr. Jasmine Ahmad
- Dr. Abd. Rasid Abd. Rahman
- Prof. Madya Dr. Baharudin Ujang
- Prof. Madya Dr. Normah Abdullah
- Prof. Madya Dr. Shahanum Mohd Shah
- Prof. Dr. Ibrahim Kamal Abdul Rahman
- Prof. Madya Dr. Hajah Noormala Dato' Amir Ishak
- Prof. Madya Abd Azis Abd Majid
- Prof. Madya Norhayati Ahmad
- Prof. Madya Dr. Adnan Jamaludin
- Prof. Madya Dr. Feridah Mohd Nadzar
- Y. Bhg. Prof. Madya Datin Dr. Hajah Hajibah Hj. Osman
- Prof. Madya Dr. Hamidi Abd Hamid
- Prof. Madya Dr. Zaleha Hj. Hussin
- Prof. Madya Dr. Mohd Zaki Abdullah
- Prof. Dr. Abdullah Mohammad Said
- Y. Bhg. Dato' Prof. Madya Dr. Mizan Hitam
- Prof. Madya Dr. Hj. Hilmie Ab. Rahman
- Prof. Madya Tengku Yusoff Tengku Mahmud
- Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hussin @ Mohamad Ab. Rahman
- Prof. Madya Dr. Jamil Hamali
- Prof. Madya Dr. Worran Kabul
- Prof. Madya Abu Hassan Husin
- Encik Hasbullah Ismail
- Prof Madya Dr. Adibah Shuib
- Prof. Madya Abd. Halim Ramli
- Puan Azida Azmi
- Encik Mazlan Salleh
- Puan Suhara Kamarudin
- Lt. Kol. (B) Mohd Razali Shamsudin

Penghargaan

Naib Canselor mengucapkan ribuan terimakasih dan setinggi penghargaan kepada semua peserta serta semua urusetia yang telah menjayakan Mesyuarat Khas ini dan juga menerbitkan penerbitan ini.

Urusetia

Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah

Prof. Madya Dr. Mohd Ismail Ramli

Prof. Madya Dr. Roziah Mohd Janor

Prof. Madya Fairoz Hj. Salleh

Puan Zaemah Sukaimi

Dr. Zainab Mohd Noor

Encik Badrul Hisham Abu Hassan

Prof. Madya Dr. Zubaidah Zainal Abidin

Encik Mohd Jamil Mat Isa

Puan Norleza Abu Shah

Encik Mior Hishamuddin Ariffin

Puan Faridah Abdul Rahman

Cik Nur Halina Mustafa

Encik Mohammad Amin

Puan Che Embon Mustapa

Encik Azhar Mohd Zainal

Encik Abd Rahim Md Yusuf

Encik Muhammad Nazry Kamarudin

Cik Shazana Shabudin

Cik Rossni Jantan



Francois Valentyn
De Stad Malacca
Gurisan / 30 x 56 cm / 1724-1726 / Richard Curtis, Kuala Lumpur

www.uitm.edu.my



ISO 9001:2000 NO. SIJIL KLR 0404089